

Kursus Pengenalan Keusahawanan IBS Kenaf Negeri Terengganu



12 September 2020 - Satu kursus telah dihadiri oleh 2 orang pegawai teknikal yang telah diadakan pada 12 September Ogos (Sabtu) bertempat di *Camellia Grand Ballroom*, Paya Bunga Hotel, Kuala Terengganu. Kursus ini telah dirasmikan oleh YB. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan telah dihadiri oleh 40 orang peserta dari Jabatan Kerajaan dan juga Kontraktor tempatan. Kursus ini adalah anjuran Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara.

Terdapat 2 pembentangan iaitu Inovasi Teknologi IBS Menggunakan Biokomposit Kenaf oleh Puan Nor Hasima Haji Hassan, *Chief Executive Officer* (CEO) Syarikat Tasblock (M) Sdn Bhd dan Pembangunan Aplikasi Produk Kenaf IBS oleh En. Mohd Zaidi Abd Malek, *Chief*

Technology Officer (CTO) Kenaf Tech Master Resources.

Penyampaian sijil seterusnya telah disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara iaitu YB Dr. Azman Ibrahim merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Negeri Terengganu dan turut hadir sama Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Operasi) LKTN Tuan Haji Idris Mohd Salleh. Kursus kemudiannya bersurai pada jam 4.30 petang.